



JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

KENYATAAN MEDIA SEGERA **SARAWAK HARI INI TIADA KES BAHARU POSITIF COVID-19** **DILAPORKAN**

1. LAPORAN HARIAN

Hari ini tiada kes positif COVID-19 dilaporkan. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak setakat hari ini kekal sebanyak **556** kes.

Dimaklumkan juga **tiada** kes baru yang telah sembah dan discaj dari Hospital. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah sembah dan discaj kekal seramai **531** orang atau **95.50%**.

Seramai **9 PUI** baru dilaporkan dan **7** kes masih menunggu ujian makmal.

2. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA

Jawatankuasa Pengurusan Bencana telah bermesyuarat dan membuat beberapa keputusan seperti berikut:

- a) Bagi guru-guru yang akan kembali bertugas di Sarawak garis panduan berikut perlu dipatuhi:
 - i. Bagi guru-guru yang bertugas di bandar, mereka dikehendaki untuk menjalani kuarantin kendiri di kediaman masing-masing (*Stay Home Notice*) selama 14 hari serta dikehendaki memakai "Wristband" sepanjang tempoh kuarantin. Mereka akan dipanggil untuk membuat saringan COVID-19 pada hari ke-10.
 - ii. Manakala bagi guru-guru yang bertugas di kawasan pedalaman Sarawak mereka dikehendaki menjalani tempoh kuarantin selama 14 hari di pusat kuarantin yang ditetapkan oleh JPBN. Saringan COVID-19 akan dibuat pada hari ke-10.

b) JPBN ingin memaklumkan bahawa aktiviti-aktiviti berikut adalah **DIBENARKAN.**

- i. Sukan dan Rekreasi dibenarkan dibuka mulai 17 Jun 2020 mengikut SOP yang telah disediakan. Kementerian Belia dan Sukan Sarawak akan berhubung dengan badan-badan sukan yang berkenaan untuk memaklumkan mengenai SOP secara lebih terperinci.
 - ii. Pusat kecantikan / *Beauty Saloon* dibenarkan untuk beroperasi mulai 17 Jun 2020. Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak akan memaklumkan kepada semua pengusaha salun kecantikan mengenai SOP yang telah ditetapkan.
- c) Masjid dan Surau telah mula sembahyang berjemaah mulai hari ini (12 Jun 2020) dengan mematuhi SOP yang telah dikeluarkan oleh Majlis Islam Sarawak pada 08 Jun 2020.
- d) JPBN telah mengarahkan Jawatankuasa Sempadan Negeri Sarawak untuk memperketatkan kawalan serta pergerakan di sempadan (darat dan air) untuk memastikan tiada aktiviti pencerobohan secara haram.

e) Penjelasan bagi kemasukan warga asing

- i. Semua warga asing (pemilik permit kerja dan visa yang sah termasuk peserta MM2H) yang telah berada di Malaysia sebelum PKP bermula, dibenarkan masuk ke Sarawak tanpa dikuarantin tetapi perlu memohon kebenaran melalui JPBN.
- ii. Bagi warga asing (pemilik permit kerja dan visa yang sah termasuk peserta MM2H) yang masuk ke Malaysia semasa PKP dibenarkan masuk ke Sarawak tetapi perlu memohon melalui JPBN dan wajib dikuarantin 14 hari (kos ditanggung sendiri)

Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Home, Save Lives

Jaga Sarawak Intu Sarawak

SEKRETARIAT

JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

12 JUN 2020

4.00 PETANG